

# i-IQRA perkasa perkongsian pintar pengajian Islam

**Nilai:** Bagi menjadikan Malaysia sebagai hab pengajian tinggi Islam yang unggul di dunia, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kini menerajui usaha perkongsian pintar berkaitan pengajian agama di peringkat antarabangsa terutama di rantau Asia Tenggara dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Usaha itu dilaksanakan melalui penubuhan Konsortium Institusi Pengajian Tinggi Islam bagi Kualiti Akademik dan Penyelidikan Lanjutan dikenali sebagai i-IQRA yang menjadi medium percambahan idea di kalangan institusi yang menawarkan program akademik dalam bidang pengajian Islam.

Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan Prof Datuk Seri Dr Zaini Ujang berkata, penubuhan konsortium itu memberi manfaat besar dalam bidang perkembangan pengajian Islam kepada semua institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan selain lebih 240 IPT negara OIC.

"Penubuhan konsortium itu akan menjadi landasan



**DR Morshidi (tengah) melihat risalah i-IQRA di USIM, semalam.**

memperkasakan perkongsian pintar dalam aktiviti penyelidikan berkonsepkan kelas global di kalangan IPT serantau dan negara OIC.

"Malah, i-IQRA dapat digerakkan untuk mengaktifkan aktiviti bersama rakan strategik luar yang kebanyakannya bertumpu di negara ASEAN, Asia Tengah dan Ti-

mur Tengah," katanya dalam ucapan dibacakan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi Prof Datuk Dr Morshidi Sirat pada majlis perasmian i-IQRA di USIM, di sini, semalam.

Menurutnya, konsortium itu juga membolehkan satu direktori kepakaran Islam peringkat kebangsaan dan

antarabangsa diwujudkan.

Katanya, antara aktiviti utama i-IQRA ialah program berbentuk akademik termasuk pertukaran kakitangan dan pelajar, penyelidikan, penerbitan jurnal ilmiah peringkat antarabangsa serta penjana kewangan melalui wakaf, perundingan dan perkhidmatan.